

# **KUTKM tawar ijazah kejuruteraan dan teknologi**

**Archival News | Berita Harian | 06/02/2003**

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menawarkan pelbagai program pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang kejuruteraan dan teknologi bagi Sesi Akademik Mei 2003/2004.

KUTKM yang ditubuhkan dua tahun lalu mengambil lulusan Program Matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, diploma dan kelayakan lain yang setaraf.

Kolej universiti itu kini beroperasi di kampus sementara Ayer Keroh, Melaka dan sedang membangunkan kampus tetap mereka yang terletak di Durian Tunggal.

Kolej universiti itu mempunyai lima fakulti, iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Program yang dijalankan secara 'hands-on', iaitu 70 peratus latihannya menekankan kemahiran menerusi uji kaji di makmal, pembelajaran berbantu komputer, kerja bengkel dan latihan industri.

(END) Source : Berita Harian